



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 11 NOVEMBER 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6.	50 KERTAS DIBENTANG DALAM COCOTECH 2022, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE MALAYSIA SOKONG USAHA PEMBAHARUAN ADAPTASI TEKNOLOGI, TAMBAH BAIK DASAR INDUSTRI KELAPA, BERITA RTM -ONLINE 10 USUL DAYA TAHAN PERUBAHAN IKLIM, SH -ONLINE 10 USUL DAYA TAHAN PERUBAHAN IKLIM, MSN -ONLINE INTERNATIONAL COCOTECH CONFERENCE 2022 HELD TO DEVELOP COCO INDUSTRY, NEWS, MAKKAL OSSAI -5	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
7.	PAKATAN KURANGKAN ANAK AYAM, NAIKKAN HARGA, UM – ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/11/2022	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

50 kertas dibentang dalam COCOTECH 2022



KUALA LUMPUR – Sebanyak 50 kertas telah dibentangkan dalam Pameran dan Persidangan Antarabangsa kali ke-50 (COCOTECH 2022) anjuran bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan International Coconut Community (ICC) yang berakhir esok.

Antaranya, kertas bertemakan “*Climate Change Adaptation and Mitigation Strategy for a Resilient and Sustainable Coconut Agroindustry*” anjuran

bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan *International Coconut Community* (ICC).

Sebanyak 10 usul disenaraikan hasil dari pembentangan persidangan COCOTECH 2022 yang berlangsung selama empat hari, antaranya melaksanakan dasar-dasar dan program yang sesuai bagi mendepani daya tahan perubahan iklim, mengadaptasi strategi amalan agronomi yang berdaya tahan dengan sebarang perubahan iklim dan mengadaptasi strategi pembangunan genetik yang berdaya tahan dengan perubahan iklim.



Selain menjadi platform terbaik untuk bertukar idea dan amalan terbaik bagi lebih memahami isu dan cabaran yang dihadapi industri kelapa, persidangan antarabangsa ini turut memberi peluang kepada semua ahli dan anggota ICC serta pemain industri untuk bertemu dan menjalinkan jaringan kerjasama demi manfaat bersama.

COCOTECH 2022 telah mendapat sambutan di luar jangkauan dan turut dihadiri 400 orang peserta terdiri

daripada delegasi negara-negara ahli dan bukan ahli di bawah ICC serta pakar-pakar tanaman kelapa dari seluruh dunia.

Untuk rekod, ICC ditubuhkan pada 1969 di bawah naungan Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Asia dan Pasifik (UN-ESCAP).



Ia berperanan sebagai platform merangsang kerjasama strategik, perkongsian, kepakaran, teknologi dan maklumat industri kelapa di samping menyokong permasalahan dihadapi negara anggota.

ICC terdiri daripada 20 negara pengeluar kelapa termasuk negara yang menyumbang lebih 90 peratus pengeluaran dan eksport kelapa dunia.

MAFI berkata, sepanjang persidangan ini negara anggota dan peserta Persidangan Antarabangsa COCOTECH 2022 mendapat pelbagai manfaat hasil perkongsian merentasi 20 negara anggota ICC dari seluruh dunia.

Untuk rekod, produktiviti tanaman kelapa di Malaysia menduduki tangga yang ke-7 di dunia selepas Vietnam, India dan Sri Lanka.

Industri kelapa merupakan antara tiga industri penting menyumbang kepada sosio-ekonomi Malaysia di mana dianggarkan seramai 65,340 keluarga tani terlibat dalam penanaman kelapa.

Tanaman kelapa merupakan komoditi utama di Malaysia selepas kelapa sawit, getah dan padi.



Pada tahun 2020, keluasan penanaman kelapa adalah 84,942 hektar dengan pengeluaran sebanyak 536 juta biji yang menyumbang kepada produktiviti 6,317 biji per hektar.

MAFI melalui Jabatan Pertanian memberi tumpuan kepada empat varieti kelapa berhasil tinggi iaitu kelapa hibrid MATAG dan kelapa rendah/dwarf seperti Malayan Yellow Dwarf (MYD), Malayan Red Dwarf (MRD) dan Kelapa Pandan bagi meningkatkan

pengeluaran kelapa di Malaysia bagi memastikan pengeluaran kelapa meningkat walaupun kawasan penanaman kelapa terhad.

Kerajaan melalui MAFI sentiasa komited dalam mengukuhkan lagi kerjasama di peringkat antarabangsa bagi terus meningkatkan daya tahan industri kelapa. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/11/2022	BERITA RTM	ONLINE	

Malaysia sokong usaha pembaharuan adaptasi teknologi, tambah baik dasar industri kelapa



dibentangkan.

(Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Badrul Hisham Mohd ditemu bual media selepas Majlis Penutup Persidangan Antarabangsa Cocotech kali ke-50, di Kuala Lumpur)

KUALA LUMPUR, 10 November - Persidangan Antarabangsa Cocotech kali ke-50 melabuhkan tirai dengan lebih 50 kertas berkaitan industri kelapa

Daripadanya, 10 usul berkaitan kemampanan pembangunan industri kelapa berjaya disenaraikan dengan fokus pelan mitigasi terhadap perubahan iklim dan cabaran sekuriti makanan.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Badrul Hisham Mohd menegaskan Malaysia menyokong usaha pembaharuan melalui adaptasi teknologi dan penambahbaikan dasar berkaitan komoditi tersebut.

"Semua negara anggota ICC bersetuju bahawa kita mesti bermula dengan dasar yang tepat untuk menyokong industri, kedua penggunaan teknologi akan membantu meningkatkan produktiviti dan pendapatan petani, ketiga dari sudut penggunaan bahan-bahan organik, kita berdepan cabaran perubahan iklim, soal pelepasan gas rumah hijau, bagaimana kita boleh kurangkan," kata beliau ketika ditemui selepas Majlis Penutup Persidangan Antarabangsa Cocotech kali ke-50, di sini hari ini.



anggota ICC.

(Foto FB Kementerian Pertanian dan Industri Makanan)

Badrul Hisham juga merupakan Pegawai Perhubungan Nasional untuk Malaysia ke Komuniti Kelapa Antarabangsa (ICC).

Dianjurkan di Kuala Lumpur, Persidangan Antarabangsa Cocotech 2022 dihadiri lebih 400 peserta dari 45 buah negara di mana 20 daripadanya merupakan negara

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/11/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

10 usul daya tahan perubahan iklim



COCOTECH 2022 bertemakan 'Climate Change Adaptation and Mitigation Strategy for a Resilient and Sustainable Coconut AgroIndustry' berlangsung selama empat hari bermula Isnin lepas di KLCC.

Untuk informasi lebih menarik, jangan lupa ikuti [Telegram](#) dan [TikTok](#) kami

SHAH ALAM - Sebanyak 10 usul disenaraikan hasil daripada pembentangan Persidangan dan Pameran

Cocotech Antarabangsa ke-50 tahun 2022 (COCOTECH 2022) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Menurut kenyataan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) pada Khamis, usul itu termasuk melaksanakan dasar-dasar dan program yang sesuai bagi mendepani daya tahan perubahan iklim.

Selain itu katanya, mengadaptasi strategi amalan agronomi yang berdaya tahan dengan sebarang perubahan iklim selain strategi pembangunan genetik yang berdaya tahan dengan perubahan iklim.

COCOTECH 2022 yang bertemakan 'Climate Change Adaptation and Mitigation Strategy for a Resilient and Sustainable Coconut AgroIndustry' yang berlangsung selama empat hari bermula Isnin lepas itu berjaya menarik 400 peserta dari seluruh negara.

Seramai 400 peserta itu terdiri daripada delegasi negara-negara ahli dan bukan ahli di bawah International Coconut Community (ICC) serta pakar-pakar tanaman kelapa dari seluruh dunia.

Menurutnya, mereka yang menyertai persidangan itu mendapat pelbagai manfaat hasil perkongsian merentasi 20 negara anggota ICC dari seluruh dunia.



COCOTECH 2022 yang bertemakan 'Climate Change Adaptation and Mitigation Strategy for a Resilient and Sustainable Coconut AgroIndustry' berjaya menarik 400 peserta dari seluruh negara.

"Selain itu, ia menjadi platform terbaik untuk bertukar idea dan amalan terbaik untuk lebih memahami isu dan cabaran yang dihadapi industri kelapa.

"Persidangan itu juga memberi peluang kepada semua ahli dan anggota ICC serta pemain industri untuk bertemu dan menjalinkan jaringan kerjasama demi manfaat bersama," katanya.

Untuk rekod, produktiviti tanaman kelapa di Malaysia menduduki tangga yang ketujuh di dunia selepas Vietnam, India dan Sri Lanka.

Katanya, industri kelapa merupakan antara tiga industri penting menyumbang kepada sosioekonomi Malaysia dengan anggaran seramai 65,340 keluarga tani terlibat dalam penanaman kelapa.

"Tanaman kelapa merupakan komoditi utama di Malaysia selepas kelapa sawit, getah dan padi.

"Pada tahun 2020, keluasan penanaman kelapa adalah 84,942 hektar dengan pengeluaran sebanyak 536 juta biji yang menyumbang kepada produktiviti 6,317 biji perhektar," jelasnya.

Menurut MAFI, pihaknya melalui Jabatan Pertanian memberi tumpuan kepada empat varieti kelapa berhasil tinggi iaitu kelapa hibrid matag, kelapa rendah seperti 'Malayan Yellow Dwarf' (MYD), 'Malayan Red Dwarf' (MRD) dan kelapa pandan bagi meningkatkan pengeluaran kelapa di Malaysia.

"Ini adalah bagi memastikan pengeluaran kelapa meningkat walaupun kawasan penanaman kelapa terhad.

"Kerajaan melalui MAFI sentiasa komited dalam mengukuhkan lagi kerjasama di peringkat antarabangsa bagi terus meningkatkan daya tahan industri kelapa," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/11/2022	MSN	ONLINE	

10 usul daya tahan perubahan iklim



COCOTECH 2022 yang bertemakan 'Climate Change Adaptation and Mitigation Strategy for a Resilient and Sustainable Coconut AgroIndustry' berjaya menarik 400 peserta dari seluruh negara. © Provided by Sinar Harian



COCOTECH 2022 bertemakan 'Climate Change Adaptation and Mitigation Strategy for a Resilient and Sustainable Coconut AgroIndustry' berlangsung selama empat hari bermula Isnin lepas di KLCC. © Provided by Sinar Harian

SHAH ALAM - Sebanyak 10 usul disenaraikan hasil daripada pembentangan Persidangan dan Pameran Cocotech Antarabangsa ke-50 tahun 2022 (COCOTECH 2022) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Menurut kenyataan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) pada Khamis, usul itu termasuk melaksanakan dasar-dasar dan program yang sesuai bagi mendepani daya tahan perubahan iklim.

Selain itu katanya, mengadaptasi strategi amalan agronomi yang berdaya tahan dengan sebarang perubahan iklim selain strategi pembangunan genetik yang berdaya tahan dengan perubahan iklim.

COCOTECH 2022 yang bertemakan 'Climate Change Adaptation and Mitigation Strategy for a Resilient and Sustainable Coconut AgroIndustry' yang berlangsung selama empat hari bermula Isnin lepas itu berjaya menarik 400 peserta dari seluruh negara.

Seramai 400 peserta itu terdiri daripada delegasi negara-negara ahli dan bukan ahli di bawah International Coconut Community (ICC) serta pakar-pakar tanaman kelapa dari seluruh dunia.

Menurutnya, mereka yang menyertai persidangan itu mendapat pelbagai manfaat hasil perkongsian merentasi 20 negara anggota ICC dari seluruh dunia.

"Selain itu, ia menjadi platform terbaik untuk bertukar idea dan amalan terbaik untuk lebih memahami isu dan cabaran yang dihadapi industri kelapa.

"Persidangan itu juga memberi peluang kepada semua ahli dan anggota ICC serta pemain industri untuk bertemu dan menjalinkan jaringan kerjasama demi manfaat bersama," katanya.

Untuk rekod, produktiviti tanaman kelapa di Malaysia menduduki tangga yang ketujuh di dunia selepas Vietnam, India dan Sri Lanka.

Katanya, industri kelapa merupakan antara tiga industri penting menyumbang kepada sosioekonomi Malaysia dengan anggaran seramai 65,340 keluarga tani terlibat dalam penanaman kelapa.

"Tanaman kelapa merupakan komoditi utama di Malaysia selepas kelapa sawit, getah dan padi.

"Pada tahun 2020, keluasan penanaman kelapa adalah 84,942 hektar dengan pengeluaran sebanyak 536 juta biji yang menyumbang kepada produktiviti 6,317 biji perhektar," jelasnya.

Menurut MAFI, pihaknya melalui Jabatan Pertanian memberi tumpuan kepada empat varieti kelapa berhasil tinggi iaitu kelapa hibrid matag, kelapa rendah seperti 'Malayan Yellow Dwarf' (MYD), 'Malayan Red Dwarf' (MRD) dan kelapa pandan bagi meningkatkan pengeluaran kelapa di Malaysia.

"Ini adalah bagi memastikan pengeluaran kelapa meningkat walaupun kawasan penanaman kelapa terhad.

"Kerajaan melalui MAFI sentiasa komited dalam mengukuhkan lagi kerjasama di peringkat antarabangsa bagi terus meningkatkan daya tahan industri kelapa," ujarnya.

Headline	International COCOTECH Conference 2022 held to develop coco industry		
MediaTitle	Makkal Osai		
Date	11 Nov 2022	Color	Full Color
Section	News	Circulation	28,000
Page No	5	Readership	180,000
Language	Tamil	ArticleSize	471 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,083
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,249



தேங்காய்த் தொழில்துறையை மேம்படுத்துவதற்கு அனைத்துலக மாநாடு

நாள் 400க்கும் மேற்பட்டோர் கலந்துகொண்டிருந்தன.
இந்த COCOTECH 2022 மாநாடு அனைத்துலக தேங்காய்த் தொழில்துறை வீரர்கள் பெரு விவசாயிகளின் விவரவுரையை முன்னிறுத்தி மேம்பாட்டுப் பணிகளை பரவலாக்கியது.

அனைத்துலக தேங்காய்த் தொழில்துறை மாநாடு நடைபெற்றது. இதில் அனைத்துலக தேங்காய்த் தொழில்துறை வீரர்கள் பெரு விவசாயிகள் கலந்துகொண்டிருந்தனர். இந்த மாநாட்டில் மாநாட்டின் மையத்தில் தலைப்பெற்று வகுப்புகள், கருத்துக்கள், தேங்காய்த் தொழில்துறை வீரர்கள் பெரு விவசாயிகள் கலந்துகொண்டிருந்தனர். இந்த மாநாட்டில் மாநாட்டின் மையத்தில் தலைப்பெற்று வகுப்புகள், கருத்துக்கள், தேங்காய்த் தொழில்துறை வீரர்கள் பெரு விவசாயிகள் கலந்துகொண்டிருந்தனர்.

விவசாயிகள் வீரர்கள் கலந்துகொண்டிருந்தனர். இதில் அனைத்துலக தேங்காய்த் தொழில்துறை வீரர்கள் பெரு விவசாயிகள் கலந்துகொண்டிருந்தனர். இந்த மாநாட்டில் மாநாட்டின் மையத்தில் தலைப்பெற்று வகுப்புகள், கருத்துக்கள், தேங்காய்த் தொழில்துறை வீரர்கள் பெரு விவசாயிகள் கலந்துகொண்டிருந்தனர்.



கோலாலம்பூர், நவ 11 -
விவசாயம், உணவு உற்பத்தி
திறன் மேம்பாடு மற்றும் தொழில்துறை வீரர்கள் பெரு விவசாயிகள் கலந்துகொண்டிருந்தனர். இந்த மாநாட்டில் மாநாட்டின் மையத்தில் தலைப்பெற்று வகுப்புகள், கருத்துக்கள், தேங்காய்த் தொழில்துறை வீரர்கள் பெரு விவசாயிகள் கலந்துகொண்டிருந்தனர்.

மாநாட்டின் மையத்தில் தலைப்பெற்று வகுப்புகள், கருத்துக்கள், தேங்காய்த் தொழில்துறை வீரர்கள் பெரு விவசாயிகள் கலந்துகொண்டிருந்தனர். இந்த மாநாட்டில் மாநாட்டின் மையத்தில் தலைப்பெற்று வகுப்புகள், கருத்துக்கள், தேங்காய்த் தொழில்துறை வீரர்கள் பெரு விவசாயிகள் கலந்துகொண்டிருந்தனர்.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/11/2022	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Pakatan kurangkan anak ayam, naikkan harga



INDUSTRI ternakan ayam dijangka berdepan isu yang berpanjangan jika dakwaan wujudnya permainan harga di peringkat pembekal tidak diatasi segera. – UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

PETALING JAYA: Segelintir pembekal anak ayam untuk industri telur dan pedaging disyaki berpakat sesama sendiri mengurangkan pengeluaran bagi tujuan menaikkan harga. Sumber industri mendedahkan, pada masa ini ada agensi sedang memantau trend

pengurangan bekalan anak ayam berusia sehari atau day old chick (DOC) dan bersedia mengambil tindakan menanganinya kerana ia disifatkan mensabotaj ekonomi dan keselamatan makanan negara. Kata sumber, pihaknya...